

### DAPATAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan dapatan kajian dalam bab empat dan juga memberi pendapat pengkaji termasuk cadangan yang perlu diketengahkan kepada pengkaji-pengkaji pada masa akan datang.

#### 5.1 Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya dapatan kajian memberi satu gambaran yang jelas bahawa golongan etnik Tamil yang hidup di sebuah negara yang rakyatnya menggunakan pelbagai bahasa, iaitu multilingual, tidak dapat mengelakkan diri daripada fenomena percampuran dan penukaran kod. Percampuran dan penukaran kod ini tetap berlaku dalam bahasa pertuturan mahupun bahasa tulisan. Fenomena ini juga didapati menular ke dalam aspek budaya masyarakat Tamil, khususnya ke dalam lagu-lagu Tamil tempatan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa Tamil menjadi bahasa pilihan utama dalam penulisan lirik lagu-lagu Tamil, kerana ia merupakan bahasa ibunda bagi kesemua penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang ditemu bual. Bahasa Tamil berfungsi sebagai bahasa matriks ( bahasa wahana) dalam kebanyakan lirik lagu yang dikaji. Akan tetapi percampuran dan penukaran kod secara sengaja atau tanpa disedari, berlaku juga dalam kebanyakan lagu Tamil tempatan. Ini terbukti apabila 54 (83.0%) daripada 65 buah lagu Tamil tempatan yang terkandung dalam MP3 yang diambil kira sebagai sumber data utama dalam kajian ini memperlihatkan fenomena percampuran dan penukaran kod dengan begitu jelas.

Berhubungan dengan tahap-tahap percampuran kod pula didapati peratus penggunaan bahasa asing pada tahap perkataan (165 kali) adalah lebih tinggi (41.0%) berbanding pada tahap-tahap frasa (138 kali atau 35.0%), ayat (90 kali atau 23.0%) dan klausa (4 kali atau 1.0%). Begitu juga dengan kekerapan penggunaan bahasa asing dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Dapatan kajian juga memperlihatkan bahawa selain percampuran kod tahap perkataan, frasa, klausa dan ayat, terdapat juga tahap yang melebihi ayat yang menjurus kepada penukaran kod ataupun pengalihan kod sepenuhnya. Jenis bahasa asing yang paling banyak digunakan dalam percampuran dan penukaran kod ialah bahasa Inggeris.

Pengkaji juga telah menganalisis percampuran dan penukaran kod berdasarkan dimensi struktur linguistik. Ini dilihat dari sudut struktur pola-pola campurankod dan struktur pengasimilasian kod asing dengan pengaruh tatabahasa Tamil. Didapati sebanyak 10 pola bahasa yang dikenal pasti dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang dikaji dimana pola Bahasa Tamil - Bahasa Inggeris dan Bahasa Inggeris – Bahasa Tamil sering berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan.

Penganalisan data kajian juga menunjukkan bahawa proses pengasimilasian kod asing ke dalam bahasa Tamil berlaku dengan pengaruh unsur-unsur tatabahasa Tamil. Terdapat 4 jenis unsur tatabahasa yang terlibat dalam proses pengasimilasian kata-kata bahasa asing ke dalam bahasa Tamil. Unsur tatabahasa tersebut ialah pengimbuhan kasus Tamil, pengimbuhan partikel kerja Tamil, pengimbuhan partikel jamak dan pengadaptasian sistem bunyi Tamil. Proses asimilasi ini dapat mengukuhkan pendekatan Poplack (1980) mengenai percampuran dan penukaran kod. Menurut Poplack, penukaran kod terjadi dalam satu titik pertemuan dua sistem tatabahasa yang

berlainan tetapi tidak melanggar peraturan masing-masing dimasukkan dalam satu ayat. Poplack (1980) mengatakan bahawa percampuran dan penukaran kod berlaku pada sesuatu titik perbualan di mana kewujudan elemen bahasa pertama (L1) dan bahasa kedua (L2) tidak melanggar peraturan sintaksis bahasa yang terlibat.

Kajian juga telah mengenal pasti sebanyak 7 faktor yang mendorong para penulis lirik menggunakan percampuran dan penukaran kod dalam penulisan mereka iaitu 1) ketiadaan atau ketidaksesuaian kosa kata, 2) kebiasaan, 3) ketinggian taraf sosial, 4) permintaan peminat, 5) situasi atau isi kandungan, 6) masyarakat yang berbilang kaum dan 7) kepopularan dan pendapatan.

Boleh disimpulkan bahawa faktor sosial, iaitu sikap pengguna bahasa memainkan peranan penting untuk mewujudkan situasi di mana berlakunya sesuatu proses penukaran kod. Anggapan yang wujud dalam kalangan penulis lirik lagu-lagu Tamil, iaitu bahasa Inggeris adalah suatu bahasa yang berprestij tinggi, telah mendorong mereka untuk lebih kerap menggunakan bahasa tersebut dalam lirik lagu-lagu ciptaan mereka. Walaupun terdapat kosa kata yang sesuai dan tepat dalam bahasa Tamil, tetapi pada kebiasaannya kosa kata tersebut tidak digunakan. Alasan yang diberi ialah ia tidak sesuai dalam sesetengah situasi dalam sesebuah lagu dan ianya dikatakan lebih menarik lagi jika dicampurkan dengan bahasa-bahasa asing.

Ini disebabkan oleh faktor permintaan dan penawaran. Para pencipta lagu-lagu Tamil tempatan juga sudah pasti memikirkan tentang keuntungan dari segi kewangan bagi setiap lagu atau album lagu yang diterbitkan. Bagi mencapai hasrat ini para pencipta lagu terpaksa memenuhi kehendak peminatnya. Jika tidak ada permintaan maka sudah

tentunya tidak ada pula penawaran. Permintaan ini berkait rapat dengan sikap bahasa sesuatu masyarakat ataupun golongan tertentu dalam masyarakat tersebut.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa selain bahasa-bahasa asing yang dicampuradukkan dalam lirik, penulis-penulis lirik juga sering menggunakan kata-kata seruan atau ekspresi seperti '*diyan*', '*Sakkara*', '*chinggu*', '*jalsa*', '*jilna*' dan banyak lagi yang memang tidak ada maknanya. Ianya hanya digunakan untuk menyedapkan lagi irama lagu.

## **5.2 Ulasan Pengkaji**

Laras bahasa sentiasa mengalami perubahan (Chomsky, 1988). Beliau menyatakan bahawa laras bahasa berubah-ubah mengikut situasi. Menurut beliau, walaupun laras bahasa tidak berubah secara menyeluruh namun ciri-ciri tertentu dalam sesuatu bahasa sentiasa berubah. Begitu juga dengan bahasa dalam hiburan. Matlamat sesebuah lagu ialah untuk menghiburkan dan menenangkan fikiran pendengar. Maka, Masyarakat tidak begitu memberi penekanan terhadap kepentingan penggunaan sesuatu bahasa dalam hiburan, terutamanya dalam lirik-lirik lagu. Maka, percampuran dan penukaran kod dalam lirik-lirik lagu yang terhasil dalam suasana multilingual sudah pasti akan berlaku. Pada pendapat pengkaji, percampuran dan penukaran kod dalam lirik-lirik lagu Tamil tempatan hanya mula berlaku sekitar tahun 90an, iaitu sejak lagu '*akka: make*' diciptakan. Ini kerana selepas lagu ini menjadi popular, barulah berlakunya bangkitan dalam kalangan golongan muda mudi untuk bangkit menunjukkan bakat mereka dalam bidang seni dengan menghasilkan album-album sendiri.

Kebanyakan orang Tamil, terutamanya golongan muda-mudi, didapati tidak fasih dalam menggunakan bahasa Tamil sama ada dalam pertuturan mahupun dalam penulisan. Bahasa Inggeris telah mendominasi kehidupan mereka. Ini adalah kerana dari kecil lagi mereka tidak diberi pendedahan mengenai kepentingan penggunaan bahasa ibunda, sebaliknya lebih banyak memfokuskan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan dan penyanyinya hanya dapat menarik perhatian golongan ini dengan mencampurkan beberapa bahasa dalam penghasilan dan penyampaian lagu-lagu mereka.

Dalam lagu, aspek-aspek seperti muzik, lirik, isi kandungan dan bahasa harus diambil kira bagi mendekati para peminat. Walaupun lagu tidak memerlukan bahasa standard dalam liriknya, ini tidak bermakna penulis lirik boleh mencampuradukkan bahasa dengan sesuka hatinya. Pengkaji juga mendapati fenomena percampuran kod ini bukan sahaja berlaku dalam bidang muzik Tamil, malah berlaku juga dalam bidang muzik Cina dan Melayu.

Daripada penganalisan data kajian juga didapati kadang-kala bahasa Inggeris pula berperanan sebagai bahasa Matriks iaitu bahasa utama, dan bahasa Tamil pula berperanan sebagai bahasa selitan (*embedded language*) dalam beberapa lirik lagu Tamil tempatan. Ini bermakna, walaupun lagu-lagu tersebut dikenali sebagai lagu-lagu Tamil, tetapi hampir 80 hingga 90 peratus kandungan liriknya ditulis dalam bahasa Inggeris. Lirik lagu-lagu ini memperlihatkan seolah-olah lagu-lagu Inggeris mempunyai unsur-unsur penukaran kod bahasa Tamil di dalamnya. Daripada tinjauan secara rawak, pengkaji didapati banyak lagu Tamil tempatan mempunyai ciri-ciri sedemikian terdapat dalam pasaran sekarang. Terutamanya lagu hip hop Tamil.

Pengkaji juga mendapati, terdapat juga beberapa lirik lagu yang telah dikaji tidak menunjukkan pengaliran idea yang teratur, sama ada dalam bahasa Tamil mahupun dalam bahasa asing. Jika dibaca dengan teliti lirik tersebut tidak berjaya menyampaikan mesej dan luahan perasaan yang ingin mereka sampaikan ataupun tidak langsung membawa apa-apa makna. Berikut adalah salah satu contoh lirik jenis tersebut:

Pengkaji mendapati lirik-lirik sebegini hanya mementingkan irama lagu mengikut muziknya dan tidak menghiraukan susunan kata dalam struktur bahasa. Begitu juga dengan sesetengah lirik yang mempunyai dua maksud. Jika diteliti dengan betul, ia akan membawa makna yang kurang bermoral.

Walaupun, hasil penganalisan data temu bual pengkaji dengan peminat dan penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan membuktikan bahawa *genre* bahasa lagu yang mempunyai ciri-ciri percampuran dan penukaran kod kebanyakannya lebih menghiburkan dan memudahkan pemahaman pendengar lagu-lagu tersebut. Dapatan kajian juga memberi gambaran yang jelas bahawa kebanyakan penulis lirik lagu inginkan unsur-unsur pasca moden dalam lagu mereka. Akan tetapi, pada pendapat pengkaji sendiri, penukaran dan percampuran yang keterlaluan mungkin akan menjurus kepada pencemaran bahasa jika tidak menghadkan penggunaan bahasa-bahasa asing dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Walaupun keadaan ini akan membawa ke arah kemunculan suatu bentuk bahasa baru iaitu 'Tamilinggeris'.

### 5.3 Kesimpulan dan Cadangan Kajian lanjutan

Industri muzik di negara India kini telah mencapai banyak kemajuan. A.R.Rahman dikenali sebagai seorang penggubal muzik, penulis lirik dan penyanyi yang terkemuka. Beliau juga telah membuktikan kejayaannya dalam bidang muzik di arena dunia dengan memperoleh anugerah muzik yang tertinggi di dunia iaitu '*Golden Globe*'. Masyarakat Tamil di Malaysia yang dahulunya hanya mendengar dan menyanyi lagu-lagu Tamil dari negara India, kini sedang menghasilkan banyak album lagu-lagu Tamil tempatan.

Banyak kumpulan muzik Tamil kian muncul dan membuktikan bakat mereka dalam bidang muzik di Malaysia. Terdapat juga beberapa kumpulan muzik yang telah dan sedang membuktikan kebolehan mereka dalam bidang muzik terutamanya dalam aspek penulisan lirik, penggubalan muzik dan sebagai penyanyi di negara India. Mereka dapat menggubal muzik setanding dengan penggubal-penggubal muzik di India. Boomarangx, Yogi B, Psychomanthra dan M.C. Jace adalah beberapa kumpulan muzik dan juga artis yang telah berjaya menempah kejayaan sehingga negara India.

Pengkaji mendapati bahawa ini adalah kajian pertama mengenai percampuran dan penukaran kod yang dijalankan dalam lagu-lagu Tamil tempatan di Malaysia. Ini bermakna belum pernah ada sebuah kajian mengenai penggunaan bahasa dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Dalam kajian ini, Pengkaji hanya menganalisis sebuah MP3 yang mengandungi 54 lirik lagu yang mempunyai fenomena penukaran kod dan menyentuh sedikit sebanyak tentang tahap penukaran kod, jenis bahasa asing yang sering digunakan dan faktor-faktor yang mengakibatkan berlakunya penukaran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan.

Bidang muzik merupakan bidang yang luas. Dengan itu, masih banyak kajian dari pelbagai sudut dan aspek boleh dilakukan. Kajian terhadap lirik lagu-lagu Tamil tempatan ini hanya mengisi secebis daripada keperluan tersebut. Ini adalah satu permulaan dalam usaha untuk mengorak jalan bagi mengenali sedikit sebanyak mengenai penggunaan bahasa dalam lagu-lagu Tamil tempatan yang jumlahnya kian meningkat.

Bidang muzik Tamil moden tempatan khususnya *rap* dan *hip hop* amat popular dalam kalangan remaja telah membuka peluang kemunculan bagi ramai penyanyi, penggubal lagu, pemuzik dan penulis lirik. Penggunaan bahasa dalam lagu-lagu tersebut juga memperlihatkan pelbagai variasi dan keunikan tersendiri. Lebih-lebih lagi apabila penulis-penulis lirik terdiri daripada mereka yang tidak berpendidikan Tamil secara formal. Lirik lagu-lagu jenis ini bukan sahaja memperlihatkan percampuran dan penukaran kod tetapi mengandungi juga pelbagai unsur bahasa yang unik yang diwarisi generasi muda Tamil di Malaysia.

Oleh itu, kajian lanjutan mengenai penggunaan bahasa dalam lagu-lagu Tamil tempatan yang merangkumi pelbagai bidang-bidang seperti stilistik, analisis wacana, analisis kritikal dan retorik boleh dilakukan.